

UMNO belum putuskan hantar rombongan temui Seri Paduka – Mahathir

BANGI 18 Nov. — **Dato'** Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, LJMNO belum membuat keputusan sama ada akan menghantar rombongan peringkat tertinggi menghadap Yang di-Pertuan Agong berhubung campur tangan istana dalam pentadbiran kerajaan negeri dan urusan pemiagaan.

Presiden LJMNO itu berkata, sehingga ini belum ada cadangan bagi UMNO menghantar rombongan peringkat tertinggi itu.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita ketika diminta mengulas laporan akhir yang memetik Setiausaha Agung UMNO, Dato' Mohamed Rahmat sebagai berkata bahawa parti itu akan menghantar rombongan tertinggi menghadap Seri Paduka tidak lama lagi.

Menurut Dato' Mohamed, rombongan itu akan menyerahkan memorandum perhimpunan agung UMNO baru-baru ini yang membantah campur tangan pihak istana dan raja-

raja dalam pentadbiran kerajaan negeri terutama dalam soal pemberian tender.

Dato' Mohamed yang menyatakan demikian kepada para pemberita di Parit Raja, Johor semalam menegaskan, keputusan untuk menghadap Seri Paduka dicapai dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO minggu lalu.

Menteri Penerangan itu menambah, rombongan tersebut tidak akan menghadap raja-raja Melayu kerana segala pandangan akan hanya disampaikan melalui Yang di-Pertuan Agong.

Berhubung perkara itu, Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, beliau tidak tahu pun mengenainya.

"Saya kena tanya beliau (Dato' Mohamed Rahmat) terlebih dulu tentang hal ini," kata Perdana Menteri kepada para pemberita selepas merasmikan pembukaan dua buah kilang kumpulan syarikat-syarikat Hitachi di sini hari ini.